

20/06/1997

Mengangkat fungsi fikah dalam era globalisasi

Abdurrahman Haqqi

SALAH faham terhadap Islam sebagai agama Allah yang terakhir diturunkan kepada manusia, sama ada daripada Muslim atau bukan Muslim, terletak pada aspek penafsiran pengamalannya. Dengan perkataan lain, kita tidak jumpa sebarang salah faham dari segi Islam sebagai syariah kerana ia adalah nilai murni sejagat akidah, akhlak dan asas hukum-hakam praktikal atau fikah. Semua agama pasti menerima, sebagai contoh ketiga-tiga perkara itu, pengesaan Tuhan, wujudnya hari kemudian, bercakap benar, tidak berbohong, mengerjakan solat dan puasa. Tetapi, dari segi penafsiran Islam sebagai syariah banyak menimbulkan masalah kerana perbezaan masa dan persekitaran.

Tentu anda masih ingat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah berucap di Universiti Oxford pada 16 april tahun lalu dengan tajuk, 'Islam: The Misunderstood Religion'. Pada penutup ucapannya beliau menyatakan (teks asalnya), "Islam is not meant only for 7th Century Arab. Islam is for all time and for every part of the world. If we Muslims understand this, then there will be less misunderstandings among us. If the non-Muslims appreciate the problems that the Muslims have in trying to adjust to modern changes then they will not misunderstand Islam and the Muslims as much as they do now. And the world will be a better place if all these misunderstandings are removed."

Tidak boleh disangkal, salah faham selalu membawa padah. Salah satu ubat untuk menyembuhkannya adalah membina dan menggalak saling pengertian di antara individu atau pun kelompok.

Untuk membina dan menggalak saling pengertian kita mesti mencipta satu formula yang sesuai. Akhir-akhir ini, ada satu formula dalam fiqh Islam mengenai pembinaan saling pengertian ini dengan suatu cabang kajian yang diberi nama al-Fiqh al-Muqaran (Fiqh Perbandingan) atau istilah subjek rasminya di al-Azhar Ilm Muqaranah al-Mazahib.

Dalam kajian corak fiqh perbandingan ini semua pendapat mazhab dikaji dan dipelajari dan diberikan kebebasan kepada mereka untuk menganalisis dan menentukan pilihan pendiriannya. Maka bermulalah era rasmi pengajian fiqh yang berorientasi perbandingan mazhab di al-Azhar ketika Syeikh Muhammad Mustafa al-Maraghi menjadi syeikh al-Azhar pada awal abad ke-20.

Keputusan bersejarah al-Maraghi di atas diambil selepas mengambil kira pertelagahan sengit yang sukar dihindarkan kerana wujudnya taksuq bermazhab di Mesir ketika itu. Masing-masing mazhab mendakwa mazhab mereka yang benar dan mazhab lain salah. Dengan adanya pengajian Fiqh Perbandingan pertelagahan dan pergaduhan boleh diredakan walaupun tidak dapat dilenyapkan sepenuhnya.

Dalam era globalisasi ini, corak pengajian Fiqh Muqaran sudah sepatutnya dijadikan agenda utama bagi pengajian ilmu syariah di setiap institusi pengajian tinggi. Ini kerana pengehadan pengajian pada sesuatu mazhab dalam konteks institusi pengajian tinggi dalam era global ini sudah mulai tidak diminati oleh kalangan intelektual agama dan calonnya apatah lagi dengan wujudnya era teknologi maklumat (IT) yang canggih.

Dengan corak pengajian fiqh perbandingan budaya, saling pengertian akan meluas di masyarakat yang dengannya keharmonian dapat dijaga, dikekalkan bahkan diingatkan sehingga terciptalah suatu dunia yang disifatkan Dr Mahathir dalam ucapannya itu sebagai 'a better place'.

Andainya umat Islam dari dunia Arab memahami realiti ini, tentunya kejadian yang berlaku terhadap saya dan salah seorang daripada mereka tidak akan berlaku. Ceritanya begini:

Pada Januari 1989 saya sedang menunaikan umrah sebagai hadiah naib juara menghafaz al-Quran 15 juzuk ketika saya masih menuntut di Universiti Kuwait. Selepas saya menyelesaikan pusingan ketujuh Sai dan juga bertahallul seorang Arab mendatangi saya dan menyuruh saya untuk mencukur semua rambut (membotakkan kepala). Nampaknya dia seorang ahli jawatankuasa Badan Amar Makruf Nahi Munkar Saudi. Saya pun bertanya apakah dengan hanya memendekkan rambut sebagai tahallul saya membuat kesilapan. Dia pun mengiakan dan menjelaskan bahawa yang dilakukan Rasulullah adalah membotakkan kepala.

Saya bertanyakan apa dalilnya. Dia menjawab dengan sebuah hadis Bukhari dan Muslim yang berbunyi rahimallahu-lil-muhalliqlin' (Semoga Allah merahmati orang yang mencukur semua rambut). Ini suatu dalil untuk mencukur rambut ketika bertahallul. Saya berfikir bahawa dia sedang `merasuah agama' maka saya minta dia menyempurnakan hadis itu. Dia enggan. Kemudian saya menyempurnakan hadis itu, yang pada akhirnya ada wal-muqassirin atau `dan juga orang yang memendekkan rambutnya'.

Bukankah ini juga sunnah Nabi? Kami bertikam lidah kerana hal itu tetapi Alhamdulillah kami kemudiannya saling berpelukan kerana memang sudah saling mengerti dan kami memang sama-sama Muslim. Cuba jika dia menghormati perbezaan pendapat akan berlakukah kejadian itu?

Begitu pula, jika seorang ulama pergi ke masyarakat bukan Muslim kemudian ditanyakan kepadanya bolehkah wanita menjadi hakim. Jika dia mempertahankan pendapat yang tidak membolehkan tentunya dia akan ditertawakan dan imej Islam akan nampak cetek. Apa salahnya jika dia menjawab boleh dengan mengambil pendapat mazhab lain kerana kebenaran hakiki ada pada teks syariah manakala interpretasinya kemudiannya timbullah mazhab adalah relatif.

Di sinilah letak kegunaan mempelajari fiqh perbandingan dalam era globalisasi. Pada masa depan di alaf baru nanti, adakah akan berlaku istilah mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i, Hambali, Syi'i Ja'fari atau ia akan berkurangan dan yang kekal adalah syariat Islam yang satu? Nampaknya perbincangan Seminar Kebangsaan Hukum Islam '97 yang dianjurkan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Selasa dan Rabu lalu salah satu tujuannya mengarah kepada mencari jawapan pertanyaan ini.

(END)